

28/08/2003

Tokoh antarabangsa puji sistem pendidikan Malaysia

By Syuhada Choo Abdullah

TOKOH pendidik antarabangsa, Prof Dr Ashraf Jawaid, 51, memuji sistem pendidikan negara yang keseluruhannya disifatkan berkembang dengan amat baik, terutama berkaitan pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai sesi persekolahan tahun ini.

Beliau yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan pada Majlis Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) hari ini, berkata keputusan kerajaan melaksanakan dasar itu tepat dan sejajar dengan keperluan bagi menghadapi cabaran serta persaingan global.

Katanya, langkah berkenaan akan membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Malaysia kerana berdasarkan pengalaman beliau beberapa tahun menjadi pemeriksa luar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini, mendapati penguasaan mereka dalam bahasa antarabangsa itu masih lemah.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Coventry, United Kingdom itu berkata, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya membawa kemajuan besar kepada negara, terutama dalam bidang pendidikan, termasuk memiliki universiti yang mampu menduduki senarai antara terbaik di dunia.

"Adalah jelas kerajaan Malaysia membuat banyak pelaburan untuk memastikan pembangunan pendidikan rakyatnya. Secara keseluruhan, sistem pendidikan negara ini amat baik di samping mempunyai IPT swasta (IPTS) yang standard tinggi.

"Bagaimanapun berdasarkan pengalaman saya, penguasaan bahasa Inggeris pelajar di Malaysia masih lemah dan perlu dipertingkatkan, lebih-lebih lagi untuk menghadapi persaingan antarabangsa, walaupun mereka memiliki pengetahuan setanding dalam sesuatu bidang ilmu.

"Sehubungan itu, langkah kerajaan Malaysia melaksanakan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah betul serta bertepatan dengan keperluan semasa," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur.

Dr Ashraf yang dilahirkan di Rawalpindi, Pakistan dan anak sulung daripada lima beradik itu mendapat pendidikan awal di Sekolah St Patrick, Rawalpindi. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (Pengeluaran) dari University of Engineering & Technology, Lahore, pada 1974.

Setelah itu, beliau bekerja sebagai Pembantu Pengurus di Heavy Foundry and Forge Ltd, Pakistan, selama empat tahun sebelum ke England untuk melanjutkan pelajaran di University of Birmingham sehingga berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Kejuruteraan.

Seterusnya, Dr Ashraf mendapat ijazah kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan dari University of Warwick, England, pada 1983 dan dua tahun kemudian dilantik sebagai Jurutera Aplikasi Senior, GEC Electrical Projects, Rugby, England.

Beliau kemudian berkhidmat sebagai pensyarah di University of Warwick sehingga dilantik sebagai Dekan Madya Kejuruteraan bagi Hal-Ehwal Antarabangsa dan Ijazah Lanjutan pada 1993.

Sumbangan beliau begitu ketara, termasuk dalam bidang penyelidikan selain mewujudkan hubungan rakan kongsi yang kukuh dengan syarikat besar seperti Jaguar, Aston Martin, Lagenda, Rolls Royce, Cable & Wireless dan

Land Rover.